




KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA



E-BULETIN EKSA

KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

EDISI JULAI - DISEMBER 2025

PENYAYANG • PROFESIONALISME • KERJA BERPASUKAN
KAMI SEDIA MEMBANTU



KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

SIDANG PENGARANG E-BULETIN EKSA KKM

Penasihat

Datuk Azah Hanim binti Ahmad
Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan)
Kementerian Kesihatan Malaysia

Ketua Pengarang

Datin Suriani binti Abdul Rahman

Pegawai Penyelaras

Lenny Haslinda binti Hassan

Pereka Grafik dan Susun Atur

Mohd Iswandy bin Wally

Sidang redaksi e-Buletin EKSA KKM merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada barisan Pengurusan Tertinggi KKM dan semua bahagian di KKM yang menjayakan penerbitan e-Buletin EKSA Edisi Julai - Disember 2025.

Bagi sebarang makluman dan pertanyaan, sila hubungi:

Sidang Redaksi e-Buletin EKSA KKM
Unit Komunikasi Korporat
Aras 4, Blok E7
Kementerian Kesihatan Malaysia, Kompleks E
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62590 Putrajaya Malaysia.

Tel : 03-8892 3840 / 3470

E-mel : lenny@moh.gov.my



<https://www.facebook.com/kementeriankesihatanmalaysia/>



<https://www.instagram.com/kementeriankesihatanmalaysia/>



<https://twitter.com/KKMPutrajaya>

MESYUARAT JAWATANKUASA PEMANDU AMALAN EKOSISTEM KONDUSIF SEKTOR AWAM (EKSA) KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA (KKM) BILANGAN 1 TAHUN 2025



Pada 12 Ogos 2025, YBhg. Datuk Azah Hanim binti Ahmad, Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan) Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah mempengerusikan Mesyuarat Jawatankuasa PEMANDU Amalan EKSA KKM, di Bilik Mesyuarat Bahagian Sumber Manusia, Aras 9, KKM.

Mesyuarat diadakan bertujuan memastikan amalan EKSA diamalkan oleh setiap warga kerja di setiap bahagian agar fasiliti KKM sentiasa berada dalam keadaan kondusif sekali gus meningkatkan produktiviti pekerja dengan pelaksanaan EKSA di fasiliti kesihatan.

YBhg. Datuk Azah juga sempat membuat lawatan ke Bahagian Kejururawatan yang telah mendapat tempat pertama dalam Pengauditan EKSA IPKKM Bil.1/2025.



MAJLIS PENYAMPAIAN HADIAH PERTANDINGAN EKSA KKM




Pada 14 Ogos 2025, YBhg. Datuk Azah Hanim binti Ahmad, Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan) Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah menyempurnakan Majlis Penyampaian Hadiah bagi pertandingan EKSA iaitu Pertandingan Kubikel/ Bilik/ Ruang Kerja Terbaik EKSA 2.0 (Kategori Individu) dan Pertandingan Video Tiktok EKSA *Challenge* 2.0 (Kategori Zon). Penyampaian hadiah telah diadakan

di Dewan Serbaguna, Aras 8, Blok E7.

Pertandingan ini telah dianjurkan oleh Jawatankuasa Induk Promosi EKSA bagi menggalakkan amalan EKSA dalam kalangan warga kerja KKM di samping dapat mewujudkan persekitaran yang bersih, selesa, selamat dan juga kondusif di tempat kerja.

Pemenang Kategori Individu: Pertandingan Kubikel/ Bilik/ Ruang Kerja Terbaik EKSA 2.0:

- i. Tempat Pertama:
Encik Zulraiman bin Ismail (Zon BSKB)
- ii. Tempat Kedua:
Puan Mas Ayu binti Aziz (Zon Pengurusan)
- iii. Tempat Ketiga:
Puan Robiatul Adawiah binti Mustakim (Zon Radiasi)
- iv. Tempat Keempat:
Puan Nur Farah Syafaf binti Jamil (Zon Amalan)
- v. Tempat Kelima:
Puan Nur Hanay binti Alias (Zon Perkembangan Perubatan)



Pemenang Kategori Zon: Pertandingan Video Tiktok EKSA *Challenge* 2.0

- | | |
|--------------------|------------------------------|
| i. Tempat Pertama | : Zon BSKB |
| ii. Tempat Kedua | : Zon Perolehan |
| iii. Tempat Ketiga | : Zon Farmasi |
| iv. Tempat Keempat | : Zon Pergigian |
| v. Tempat Kelima | : Zon Perkembangan Perubatan |

Tahniah kepada para pemenang Pertandingan Kubikel/ Bilik/ Ruang Kerja Terbaik EKSA 2.0



Tempat Pertama:
Encik Zulraiman bin Ismail
(Zon BSKB)



Tempat Kedua:
Puan Mas Ayu binti Aziz
(Zon Pengurusan)



Tempat Ketiga:
Puan Robiatul Adawiah binti Mustakim
(Zon Radiasi)



Tempat Keempat:
Puan Nur Farah Syafaf binti Jamil
(Zon Amalan)



Tempat Kelima:
Puan Nur Hanay binti Alias
(Zon Perkembangan Perubatan)

Tahniah kepada para pemenang Pertandingan Video Tiktok EKSA Challenge 2.0



Tempat Pertama:
Zon BSKB



Tempat Kedua:
Zon Perolehan



Tempat Ketiga:
Zon Farmasi



Tempat Keempat:
Zon Pergigian



Tempat Kelima:
Zon Perkembangan Perubatan

MAJLIS PENTAULIAHAN DAN SESI PENYAMPAIAN ANUGERAH JURUAUDIT EKSA PERINGKAT IPKKM 2025



YBhg. Datuk Azah Hanim binti Ahmad, Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan) Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah menyempurnakan Majlis Pentaauliahan dan Sesi Penyampaian Anugerah Juruaudit EKSA Peringkat IPKKM Tahun 2025.

Majlis ini merupakan sebahagian daripada aktiviti tahunan EKSA IPKKM untuk melahirkan juruaudit bertauliah dan memberi pengiktirafan dalam usaha penambahbaikan ruang kerja kondusif di peringkat kementerian.




KURSUS TATACARA PENGURUSAN ASET ALIH KERAJAAN TAHUN 2025

Bagi memupuk suasana kondusif dan bekerja sebagai satu pasukan di tempat kerja di samping meningkatkan lagi ilmu pengetahuan di kalangan warga BPPs. BPPs, KKM telah menganjurkan Kursus Tatacara Pengurusan Aset Alih Kerajaan Tahun 2025 yang merupakan sebahagian program pelaksanaan EKSA bagi Warga BPPs bertempat di

Noble Resort Hotel, Melaka pada 4 - 6 Julai 2025. Perasmian Kursus ini telah disempurnakan sendiri oleh YBhg. Datuk SUB BPPs dan melibatkan penglibatan/ kehadiran warga BPPs (Peserta, Urus Setia, Penceramah Luar).



PERTANDINGAN BILIK PEGAWAI DAN WORKSTATION TERBAIK EKSA ZON PEROLEHAN, BPPS BAGI TAHUN 2025



Dilaksanakan pada setiap bulan pada tahun 2025 yang mana ianya bertujuan untuk membudayakan amalan EKSA secara berterusan di kalangan warga Zon Perolehan, BPPs. Dua (2) Kategori Anugerah EKSA Zon Perolehan, BPPs yang dipertandingkan iaitu Bilik Pegawai Terbaik dan Workstation Terbaik melibatkan Aras 4 dan Aras 7 di BPPs. Pemenang bagi setiap kategori akan membawa pulang wang tunai berjumlah RM50.00 setiap orang beserta Sijil Penghargaan. Sesi Penyampaian Anugerah tersebut akan disampaikan sendiri oleh YBhg. Datuk SUB BPPs semasa Mesyuarat Pengurusan BPPs.

MESYUARAT PENYELARASAN EKSA ZON UNDANG-UNDANG BIL. 1/2025

Mesyuarat Penyelarasan EKSA Zon Undang-Undang Bil. 1/2025 telah diadakan pada 7 Julai 2025 bertempat di Bilik Mesyuarat Pejabat Penasihat Undang-Undang. Mesyuarat tersebut telah dipengerusikan oleh YBrs. Puan Ilham binti Tan Sri Abd Kader, Ketua Zon Undang-Undang.

Tujuan utama mesyuarat diadakan adalah untuk membincangkan mengenai persediaan Zon Undang-Undang sempena Pengauditan EKSA IPPKM Bil. 1/2025 yang akan diadakan dari tarikh 14 Julai 2025 hingga 31 Julai 2025.

Antara perkara yang dibincangkan termasuklah penetapan tarikh audit EKSA di Zon Undang-Undang (dalaman dan luaran), aktiviti gotong royong dan penambahbaikan fail EKSA Zon Undang-Undang. Mesyuarat diakhiri dengan majlis penyerahan Surat Pelantikan Jawatankuasa EKSA Zon Undang-Undang kepada pegawai-pegawai baharu yang dilantik.



LAWATAN PENANDAARASAN EKSA DI PUSAT JAMINAN KUALITI, BANGUNAN TIMBALAN NAIB CANSELOR (PENYELIDIKAN DAN INOVASI), UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

Lawatan penanda aras EKSA ke UPM adalah merupakan aktiviti anjuran Jawatankuasa Latihan Zon Undang-Undang dan disertai oleh seramai 10 orang pegawai dan kakitangan warga Zon Undang-Undang. Lawatan ini telah dijalankan sebagai usaha memperkukuh pelaksanaan EKSA di Zon Undang-Undang, di samping membuka ruang untuk

perkongsian ilmu serta amalan terbaik yang boleh dicontohi dan diaplikasikan di Zon Undang-Undang. Pegawai dan kakitangan Zon Undang-Undang yang menyertai lawatan ini telah memperoleh maklumat yang bermanfaat yang kemudiannya telah dikongsikan kepada semua warga Zon Undang-Undang.



PERTANDINGAN AMALAN EKSA ZON UNDANG-UNDANG

Jawatankuasa Promosi EKSA dengan kerjasama Jawatankuasa Audit EKSA telah mengadakan Pertandingan Amalan EKSA Zon Undang-Undang pada 26 November 2025. Para pemenang telah diberikan sijil penghargaan.

Kategori yang dipertandingkan adalah seperti yang berikut:

- i. Anugerah Bilik Terbaik;
- ii. Anugerah Work Station Terbaik;
- iii. Anugerah Laci Terbaik;
- iv. Anugerah PIC Terbaik; dan
- v. Tokoh EKSA.



Anugerah Tokoh EKSA



Anugerah Bilik Terbaik



Anugerah Work Station Terbaik



Anugerah Laci Terbaik



Anugerah PIC Terbaik



KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA